



## **GARIS PANDUAN PEMILIK BOT YANG TERLIBAT DI DALAM AKTIVITI PERIKANAN REKREASI KELAUTAN**

---

1. Setiap pelanggan dibenarkan membawa maksimum dua (2) joran sahaja dalam satu-satu masa. Peralatan menangkap ikan selain dari joran adalah tidak dibenarkan dibawa di atas vesel.
2. Tempoh masa yang dibenarkan adalah daripada jam 6.00 pagi sehingga 10.00 malam sahaja.
3. Kawasan yang dibenarkan adalah di dalam perairan perikanan Malaysia kecuali di perairan kelautan yang diwartakan sebagai kawasan larangan penangkapan ikan atau taman laut atau kawasan larangan dibawah mana-mana Akta di Malaysia.
4. Pemilik bot hendaklah menyediakan pendaftaran pelanggan melalui aplikasi mySejahtera atau buku manual bagi merekodkan pendaftaran pelanggan.
5. Pemilik bot hendaklah membuat saringan suhu kepada semua kru dan penumpang yang terlibat.
6. Pemilik bot hendaklah menyediakan dan penggunaan hand sanitizer berasaskan alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.
7. Pemilik bot hendaklah memastikan semua kru dan penumpang yang terlibat sentiasa memakai pelitup muka pada setiap masa sepanjang aktiviti berjalan.
8. Kru dan pelanggan yang terlibat disarankan berumur antara 18 tahun sehingga kurang 60 tahun sahaja.
9. Pemilik bot perlu memastikan kru dan pelanggan yang bergelaja seperti demam, batuk dan selesema tidak terlibat di dalam aktiviti yang dijalankan.
10. Pemilik bot perlu memastikan penjarakan sosial dua (2) meter antara pemancing semasa aktiviti dan ditanda dengan jelas.

11. Pemilik bot hendaklah membersihkan dan membuat sanitasi kepada bot secara menyeluruh setelah aktiviti selesai tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia.
12. Semua rekod berkaitan hendaklah disimpan dengan baik sekurang-kurangnya enam (6) bulan bagi tujuan pemantauan.
13. Had maksimum orang yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti adalah 50% daripada kapasiti penumpang yang dibenarkan.
14. Pemilik bot hendaklah memastikan peralatan keselamatan mencukupi dan mematuhi piawaian yang ditetapkan.
15. Pemilik bot hendaklah membawa hand GPS bagi memudahkan agensi bantuan menjalankan operasi menyelamatkan sekiranya berlaku kecemasan di laut.
16. Pemilik bot tidak dibenarkan memasang lampu limbah di kawasan kurang daripada 15 batu nautika dari pantai.
17. Semua bot yang membawa penumpang adalah tertakluk kepada peraturan dan kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia dan masih dalam tempoh sah adalah menjadi tanggungjawab pemilik bot untuk mengemukakan dokumen tersebut apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa.
18. Sebarang bentuk pesta atau pertandingan adalah tidak dibenarkan.
19. Pemilik bot bertanggungjawab bagi memastikan bot digunakan untuk aktiviti memancing sahaja. Sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang akan dikenakan tindakan.

***\*Namun begitu Garis Panduan ini juga bergantung kepada pengurusan dan arahan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa serta SOP rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).***